

Kod Amalan Pembekal

Membina Kemampanan Perniagaan Bersama Para Pembekal Kami

Pengenalan

Fraser & Neave Holdings Bhd dan semua anak syarikatnya ("**FNHB**") berkomited dalam menjalankan urusan niaga yang efektif di bawah pengelolaan terbaik, sebagai asas atau dasar dalam pembangunan mampan dan pengiktirafan daripada semua masyarakat. Untuk memenuhi komitmen ini, FNHB telah mengeluarkan "*Code of Business Ethics & Conduct*" atau Kod Etika Perniagaan & Panduan kepada semua warga kerja FNHB sehinggalah peringkat "*CEO*" atau Ketua Pegawai Eksekutif ("**Staf**"). FNHB menggalakkan semua pembekalnya menerap dan mengaplikasikan keperluan dan amalan yang sama, bukan sahaja untuk kepentingan FNHB, bahkan untuk semua komuniti di persekitaran pembekal iaitu pelanggan, masyarakat tempatan dan alam sekitar. Justeru, FNHB memandang berat akan kepentingan pembekal sebagai faktor utama dalam proses rantai pembekalan, yang secara langsung terlibat dalam pembangunan mampan perniagaan. "*Supplier Code of Practice*" atau Kod Amalan Pembekal ("**SCOP**") adalah berdasarkan piawaian etika yang dipatuhi oleh FNHB. FNHB berharap pembekal juga dapat memberikan komitmen yang tinggi untuk bersama-sama merealisasikan pertumbuhan syarikat yang lebih kuat dan stabil, selaras dengan prinsip pembangunan mampan dan mewujudkan masyarakat dan persekitaran yang lebih baik.

Skop

Ketetapan atau syarat-syarat seperti di bawah adalah meliputi semua pembekal FNHB ("**Pembekal**"), termasuklah syarikat induk Pembekal, bersekutu, anak syarikat dan/atau sub-kontraktor yang mempunyai aktiviti urusan niaga dengan FNHB.

A. Etika Perniagaan

Pembekal adalah diharapkan dapat menjalankan urusan niaga mengikut piawaian perniagaan dan penuh beretika .

Anti Monopoli

Pembekal tidak dibenarkan terlibat dalam perbuatan atau aktiviti yang mampu menghalang persekitaran perniagaan yang adil dan berdaya saing.

Cenderahati

Pembekal tidak dibenarkan untuk menawarkan, menyediakan, menuntut dan menerima sebarang bentuk rasuah, hadiah/cenderahati, hiburan dan lain-lain aktiviti yang boleh mempengaruhi keputusan perniagaan FNHB dan/atau Pembekal dalam apa jua keadaan.

Pematuhan Undang-undang

Pembekal hendaklah menjalankan urusan niaga dengan mematuhi undang-undang sedia ada.

Perlindungan Maklumat Sulit

Pembekal tidak dibenarkan untuk mengguna atau mendedahkan sebarang maklumat sulit FNHB untuk kepentingan diri atau tujuan yang menyalahi undang-undang, melainkan telah mendapat persetujuan bertulis daripada pihak FNHB yang berkaitan.

Konflik kepentingan

Pembekal hendaklah memaklumkan secara bertulis akan sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan ahli keluarga atau hubungan peribadi yang timbul daripada aktiviti urusan niaga, bagi mengelakkan situasi yang boleh mencetuskan konflik kepentingan dengan FNHB dan mempengaruhi keputusan perniagaan.

B. Pengurusan Alam Sekitar

Pembekal adalah diharapkan dapat menjalankan urus niaga tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Pencemaran

Pembekal hendaklah menjalankan urus niaga secara berhemah tanpa mencemarkan alam sekitar seperti pencemaran atau kebocoran bahan kimia yang mampu membahayakan nyawa dan menjejaskan ekosistem. Pembekal juga hendaklah mempunyai pelan perancangan untuk meminimumkan impak negatif terhadap masyarakat setempat dan alam sekitar.

Penggunaan Sumber

Pembekal hendaklah mempunyai dasar-dasar atau pelan yang mengoptimalkan penggunaan sumber sedia ada dalam proses rantai pembekalan.

C. Hak Asasi Manusia

Pembekal adalah diharapkan dapat melayan secara adil dan penuh hormat kepada semua pekerja, seiring dengan undang-undang pekerjaan sedia ada.

Buruh Kanak-kanak

Pembekal tidak dibenarkan untuk terlibat atau menyokong penggunaan pekerja bawah umur (buruh kanak-kanak).

Kesaksamaan

Pembekal hendaklah melayan secara adil kepada semua pekerja tanpa mengira perbezaan fizikal atau mental, jantina, kewarganegaraan, bangsa, kepercayaan dan lain-lain.

Pembangunan Modal Insan

Pembekal hendaklah memastikan setiap pekerja diberikan latihan yang mencukupi berkaitan peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Sistem Pengurusan

Pembekal hendaklah mempunyai sistem pengurusan alam sekitar yang bersesuaian dengan piawaian antarabangsa ataupun pihak berkuasa tempatan. Pembekal juga diharapkan dapat menyediakan 'environmental impact assessments' atau penilaian kesan terhadap alam sekitar.

Bahan Buangan

Sebelum pembuangan, pelupusan atau pelepasan bahan buangan, Pembekal hendaklah mengurus dan memisahkan sisa-sisa bahan buangan berbahaya dengan betul seiring dengan peraturan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Pemberhentian Pekerja

Pelan pemberhentian pekerja hendaklah bersesuaian dengan undang-undang pekerjaan sedia ada dan pampasan haruslah dibayar secara adil kepada pekerja yang terlibat.

Pendapatan dan Faedah

Pembekal hendaklah memastikan pendapatan dan faedah termasuklah pampasan serta ganjaran kepada pekerja adalah bersesuaian dengan undang-undang pekerjaan sedia ada.

Waktu Pekerjaan

Pembekal adalah tidak dibenarkan memaksa pekerjaanya bekerja melebihi waktu pekerjaan maksimum seperti yang termaktub dalam undang-undang pekerjaan sedia ada .

D. Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Pembekal adalah diharapkan dapat menyediakan tempat pekerjaan yang selamat dan bersih, seiring dengan undang-undang sedia ada.

Suasana Pekerjaan

Pembekal hendaklah menyediakan tempat pekerjaan yang selamat dan bersih, serta memastikan para pekerja mempunyai latihan dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai dan mencukupi. Pembekal juga hendaklah menyediakan 'mitigation plan' atau pelan perancangan kecemasan bagi mengurangkan potensi kemalangan dan kerugian.

Kemalangan dan Penyakit

Pembekal hendaklah menyediakan pelan pencegahan dan pemulihan yang dapat membantu pekerja ketika dilanda kemalangan ataupun berpenyakit. Rekod-rekod berkaitan haruslah disimpan sebagai dokumen sokongan, seiring dengan keperluan undang-undang sedia ada.